Restricted

Terma dan Syarat Kempen Literasi Kewangan Maybank x MC+

Kempen Literasi Kewangan bersama MC+ ("Kempen") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142) ("MBB") (secara kolektif dirujuk sebagai "Maybank"). Kempen ini hendaklah tertakluk kepada terma & syarat ("Terma dan Syarat") yang dinyatakan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2.1) dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat.

1. **Tempoh Kempen**

   1.1 Kempen ini bermula pada 15 Ogos 2026 pada 06:00:00 PG (Waktu Malaysia) dan berakhir pada 31 Disember 2026 pada 11:59:59 MLM (Waktu Malaysia), termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen").

2. **Kelayakan menyertai Kempen**

   2.1 Kempen ini terbuka kepada semua warga Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah berumur antara dua belas (12) hingga tujuh belas (17) tahun yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.("Peserta Yang Layak").

   2.2 Bagi individu di bawah umur lapan belas (18) tahun ("Bawah umur"), mereka mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa dan/atau penjaga yang sah untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan aplikasi MAE adalah pengakuan kepada Maybank bahawa Individu di Bawah Umur telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada ibu bapa dan/atau penjaganya yang sah untuk menyertai Kempen ini. Terma dan Syarat ini akan dikenakan kepada serta mengikat ibu bapa dan/atau penjaga Individu di Bawah Umur yang sah dan kesannya adalah sama seperti jika ibu bapa dan/atau penjaga Individu di Bawah Umur adalah pihak yang bersetuju dengan Terma dan Syarat ini.

   2.3 Maybank berhak untuk membatalkan penyertaan dan/atau menarik balik sebarang Ganjaran sekiranya didapati bahawa persetujuan ibu bapa atau penjaga yang sah tidak diperoleh atau tidak dapat dibuktikan apabila diminta oleh Maybank.

3. **Pelaksanaan Program Dan Mekanik Kempen**

   3.1 Program ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara Maybank dan MC+, di mana sesi pembelajaran serta Modul Literasi Kewangan disampaikan oleh MC+, manakala Maybank bertindak sebagai rakan kerjasama bagi pelaksanaan program ini.

3.2 Untuk memenangi ganjaran kempen, peserta yang layak hendaklah:

a) Membuka akaun MAE Wallet;
b) Daftar sebagai pelajar MC+, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh MC+;
c) Ibu bapa atau penjaga membuka atau pemegang Akaun Maybank sedia ada yang aktif, seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3.3;
d) Lengkapkan sekurang-kurangnya satu (1) sesi Literasi Kewangan Maybank melalui platform MC+, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh MC+.

3.3 Senarai Akaun Maybank:

a) Akaun Simpanan Kawanku
b) Akaun Simpanan-i
c) Akaun Maybank2u Savers/-i
d) Zest-i
e) Global Access Account-i
f) Premier 1 Account
g) Private Banking Account
h) PSVR/-i

4. **Ganjaran dan Pemenang**

4.1 Peserta yang memenuhi syarat kelayakan di bawah Kempen ini layak menerima ganjaran tunai RM10 ("Ganjaran") dan Baucar Diskaun 5% MC+ dan akan dirujuk sebagai "Pemenang"

4.2 Ganjaran tunai RM10 akan dikreditkan kepada 10,000 pemenang pertama dalam tempoh empat puluh lima (45) hari bekerja selepas berakhirnya bulan penyertaan, tertakluk kepada proses pengesahan.

Bulan Penyertaan	Ganjaran	Jumlah Pemenang	Tempoh Pengagihan Ganjaran
Ogos	RM10	10,000 pemenang pertama	Dalam tempoh empat puluh lima (45) hari bekerja selepas berakhirnya bulan penyertaan
September			
Oktober			
November			
Disember			

4.3 Setiap peserta hanya layak menerima satu (1) ganjaran tunai RM10 sepanjang Tempoh Kempen.

4.4 Ganjaran tunai RM10 akan diberikan kepada Peserta Yang Layak berdasarkan turutan pemenuhan kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Maybank dan tertakluk kepada had peruntukan ganjaran yang tersedia sepanjang Tempoh Kempen. Sebaik sahaja peruntukan ganjaran habis digunakan, pengumuman akan dibuat disini dan tiada ganjaran tambahan akan diberikan.

4.5 Ganjaran tunai RM10 akan dikreditkan ke MAE Wallet Pemenang.

4.6 Maybank berhak untuk menggantikan Ganjaran dengan mana-mana barang lain yang mempunyai nilai pasaran yang sama mengikut budi bicaranya sendiri yang munasabah dengan notis awal sekurang-kurang dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemenang yang disampaikan melalui laman sesawang Maybank di www.maybank2u.com.my.

4.7 Pemenang boleh mengetahui dan mengesahkan status kemenangan mereka dan akaun yang dikreditkan dengan Ganjaran dengan merujuk laman penambat rasmi kempen disini.

4.8 Baucar Diskaun 5% MC+ tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh MC+. Baucar ini disediakan dan dipenuhi sepenuhnya oleh MC+ dan sebarang pertanyaan atau isu berkaitan baucar hendaklah dirujuk terus kepada MC+.

4.9 Maybank berhak menolak atau membatalkan penyertaan yang tidak memenuhi syarat kempen atau mengandungi maklumat yang tidak tepat.

5. Terma dan Syarat Umum

5.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.

5.2 Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang

terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Peserta yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

5.3 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

5.4 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Peserta-Peserta Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Peserta-Peserta Individu, Peserta yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

a)tujuan Kempen; dan

b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

5.5 Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungan terhadap Peserta yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuaian atau pengabaian oleh Maybank.

5.6 Maybank tidak akan bertanggungan bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.

5.7 Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Peserta yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.

5.8 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Peserta Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Peserta yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.